# BAYARAN KERJA MENAIK TARAF SISTEM KAWALAN DAN AUTOMASI PENTAS PANGGUNG SARI

Istana Budaya

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia

## Perkara Utama

**Apa yang diaudit?**

- Bayaran Kerja Menaik Taraf Sistem Kawalan dan Automasi Pentas di Panggung Sari, Istana Budaya (IB).

**Mengapa ia penting untuk diaudit?**

- Menentukan bayaran kerja menaik taraf Sistem Kawalan dan Automasi Pentas Panggung Sari mengikut peraturan dan kontrak yang berkuat kuasa.

**Apa yang ditemui Audit?**

- Penemuan Audit adalah seperti berikut:
  - peralatan bernilai RM6.08 juta telah dibayar kepada syarikat ACN 611 173 525 tetapi belum diterima; dan
  - peralatan bernilai RM4.79 juta lewat diterima.

**Syor Audit**

- Pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:
  - memastikan pihak penyelesai hutang (liquidator) menyenaraikan IB dalam keutamaan senarai pemiutang ACN 611 173 525 bagi penyelesaian hutang berjumlah RM6.08 juta dengan segera; dan
  - memastikan peralatan bernilai RM4.79 juta dipasang dan digunakan sepenuhnya bagi mengelakkan peralatan menjadi usang dan tidak dapat digunakan.